

09/10/2003

Melayu.Com serikan malam baca puisi

Hassan Omar

BACA Puisi Pena di Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur, pada 3 Oktober lalu, diserikan dengan kehadiran penyair baru yang menggelarkan diri mereka sebagai kumpulan Melayu.Com.

Kehadiran 10 penyair dari kumpulan berkenaan atas undangan Pena, memberi sinar baru dalam dunia kepenyairan tanah air kerana kebanyakan pencinta puisi itu adalah anak-anak muda yang cinta akan sastera, khususnya puisi.

Mereka adalah dari Biro Sastera dan Budaya Melayu.Com yang ditubuhkan tiga bulan lalu melalui daya usaha ketuanya, Hazizan Zainal Abidin.

Melayu.Com adalah portal yang diwujudkan bagi mengumpulkan pelbagai sumbangan buah fikiran masyarakat Melayu, terutama generasi muda dalam pelbagai bidang yang mampu dimuatkan dalam laman web Melayu.Com.

Orang kuat Pena, Sutung Umar RS, membuka tirai majlis malam itu dengan gaya bersahaja dan disusuli oleh Pensyarah Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM), Borhan Md Zain, yang pula menampilkan pendeklamasian dengan tekanan suara yang bergema.

Sutung dan seorang lagi tenaga penggerak Pena, Dr Ahmad Razali kemudiannya saling mengambil tempat mendeklamasi sajak yang pelbagai tema.

Kemunculan seorang ahli Biro Sastera dan Budaya Melayu.Com, Imillya Irwani Roslan yang mendeklamasikan `Erti Kemerdekaan' karya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan memalu gendang, memberikan kelainan pada malam itu.

Penuntut Diploma Seni Layar Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu mempelajari kaedah bermain gendang sambil mendeklamasi puisi itu daripada seorang penggiat seni teater yang bergelar `Pok Ku'.

Kemunculan beberapa penyair lain dari biro berkenaan turut menyerikan majlis itu, sekali gus memberikan harapan kepada perkembangan dunia kesusasteraan tanah air, khususnya dalam bidang puisi.

Aksi pertama kali kumpulan Melayu.Com di Rumah Pena itu adalah lanjutan daripada kegiatan Biro Sastera dan Budaya Melayu. Com yang sebelum ini pernah mengambil bahagian dalam majlis mendeklamasi puisi di Putrajaya.

"Setakat ini, biro ini mempunyai 5,000 ahli. Kebanyakan mereka adalah pelajar yang meminati bidang kesusasteraan. Selain mengambil bahagian dalam majlis deklamasi puisi, kami juga mempelajari aspek lakonan teater melalui seorang penggiat seni teater, Pak Din," kata Hazizan.